

MIECC  
26 February 2011



NIK HARIF HASSAN | BERITA HARIAN

**SEBAHAGIAN** daripada 92 penerima anugerah 'Double Diamond' Hai-O Marketing bergambar kenangan pada majlis makan malam dan anugerah di The Mines, Seri Kembangan.

## 500 usahawan Hai-O naik pangkat

**S**ERI KEMBANGAN: Seramai 500 usahawan cemerlang dari syarikat perniagaan jualan langsung (MLM) Hai-O Marketing Sdn Bhd menerima penghargaan kenaikan pangkat pada Majlis Makan Malam Diamond Hai-O Marketing Sdn Bhd, yang turut dihadiri lebih 3,000 penganjarnya, baru-baru ini.

Usahawan Hai-O terbabit menerima penganugerahan selepas berjaya melepasi beberapa peringkat sasaran jualan termasuk penyerahan pangkat Diamond Sales Manager (DSM) (385 orang); Double Diamond Manager (DDM) (92) dan 23 penerima bagi Bonus Tabung Kereta.

Pengarah Urusan Kumpulan Hai-O, Tan Kai Hee, berkata

majlis sama diadakan setiap tahun bagi meraikan semua usahawan Hai-O yang banyak menyumbang kepada peningkatan jualan tahunan.

"Setiap bulan kita mampu mencapai lebih 10 peratus kenaikan keuntungan hasil jualan produk inovatif Hai-O dan semua ini adalah hasil disiplin serta kerjasama semua penderang yang ada ini,

"Majlis sama diadakan setiap tahun sejak penubuhannya pada 1992 bagi memberi ganjaran dan mengeratkan hubungan sesama penderang," katanya semasa merasmikan Majlis Makan Malam Diamond Hai-O Marketing Sdn Bhd di Malaysia International Exhibition & Convention Centre (MIECC).

Hadir sama, Pengerusi Kumpulan Hai-O, Tan Sri Osman S Cassim; Pengarah Hai-O Marketing, Ismail Abdul Halim; Pengarah Khas Hai-O Marketing, Kamarazaman Jacob dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Hai-O, Tan Keng Song.

Pada majlis itu, turut diadakan pelancaran produk kesihatan dan kesejahteraan badan, Bio-Ever Nano Cream serta pengumuman insentif Seminar Seberang Laut di Hong Kong.

Kai Hee berkata, seminar terbabit akan diadakan pada pertengahan Jun ini bagi meningkatkan motivasi penderang Hai-O selain memberi peluang mengembara ke seluruh dunia pada masa akan datang.